

Ucapan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman, Pengerusi Kumpulan UMW Semperna Program Biasiswa UMW 2020

Bismillahirrahmanirrahim.

YBhg. Dato' Ahmad Fuaad Mohd Kenali, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMW.

Barisan pengurusan Kanan Kumpulan UMW.

Penerima-penerima Anugerah Biasiswa Kumpulan UMW yang diraikan.

Ibu Bapa dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang.

Alhamdulillah, saya mulakan dengan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan kurnia-Nya kita dapat bersama pada hari ini di Majlis Anugerah Biasiswa UMW yang penuh bermakna.

Saya cukup senang dan berbesar hati melihat begitu ramai anak-anak penerima anugerah biasiswa Kumpulan UMW dapat bersama pada majlis pada petang ini dan juga para ibu-bapa, walaupun secara virtual, kerana keadaan pandemic Covid-19 yang membataskan pertemuan fizikal.

Bagi tahun ini, saya dimaklumkan bahawa Program Biasiswa Kumpulan UMW telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan, yang mana kita telah menerima lebih dari 4,000 permohonan. Daripada jumlah tersebut, hanya 19 orang pemohon sahaja yang telah berjaya melepasi saringan yang ketat dan dipilih untuk menerima biasiswa ini, bersamaan dengan kadar kejayaan (success rate) kurang dari 0.5%.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada para penerima anugerah biasiswa Kumpulan UMW, kerana pencapaian ini bukanlah sesuatu yang mudah, dan ianya adalah berkat usaha gigih dan kerja keras, serta doa daripada ibubapa.

Cabaran Masa Hadapan

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Dunia pada masa hadapan amat berbeza berbanding dunia pada masa lalu. Namun, saya yakin bahawa anak-anak para pemegang biasiswa Kumpulan UMW ini akan mampu berdepan dengan pelbagai perubahan yang mendatang. Mungkin di sini boleh saya kongsi antara beberapa trend perubahan yang dijangka akan berlaku pada masa hadapan.

Berdasarkan kajian oleh Robeco Asset Management, tiga trend utama telah dikenalpasti akan berlaku pada masa hadapan, merangkumi revolusi teknologi, perubahan sosio-demografi dan juga agenda kelestarian.

Trend 1: Revolusi Teknologi

Dunia Revolusi Industri 4.0 akan didorong oleh sumber tenaga hijau yang lebih lestari, dengan pencapaian teknikal yang lebih hebat dalam bidang digital internet, IoT, AI, big data dan beberapa bidang high tech yang lain. Kesan revolusi teknologi tinggi yang telah berlaku hampir sedekad yang lalu ini akan terus mempunyai impak yang luas terhadap gaya hidup insan dan juga ekonomi dunia pada masa yang akan datang.



Trend 2: Perubahan Sosio-demografi

Selain revolusi teknologi ini, dunia juga akan berdepan dengan perubahan sosio-demografi yang akan berlaku pada kadar yang semakin pantas. Antaranya, populasi dunia akan semakin berusia (aging population), dan populasi digital natives akan lebih meluas dan buat pertama kalinya dalam sejarah dunia, kita akan menyaksikan pertambahan populasi secara besar- besaran bagi golongan berpendapatan pertengahan di dunia.

Malahan, berdasarkan sebuah kajian oleh Brookings Institute pada tahun 2017, jumlah populasi dunia berpendapatan pertengahan dijangka akan bertambah dari sekitar 3 billion orang pada tahun 2015 kepada lebih 5 billion orang menjelang 2030. 88% dari golongan berpendapatan pertengahan yang baharu ini akan berada di benua Asia, dengan pertambahan terbesar dipacu oleh India seramai 380 juta orang, China seramai 350 juta orang dan 210 juta orang lagi dari negara-negara Asia lain.

Impak dari perubahan ini juga amatlah ketara, kerana menjelang tahun 2022, penggunaan (consumption) oleh golongan berpendapatan pertengahan ini dijangka akan melebihi jumlah USD10 trillion, dan menjelang 2030 pula, jumlah ini akan meningkat hampir tiga kali ganda, mencecah USD29 trillion. Jelas sekali, kesan pola perubahan demografi ini amatlah besar kepada ekonomi dunia, terutamanya dari sudut tabiat penggunaan (consumption patterns) dimana konsumer tidak lagi hanya akan membeli keperluan asas semata- mata namun akan membeli barangan yang bersifat 'discretionary spending'. Perubahan- perubahan besar ini akan menjadi sumber cabaran dan juga peluang buat semua pada masa hadapan.

Perkembangan generasi 'Digital Natives' juga akan mempunyai impak besar kepada struktur ekonomi masa hadapan. Anak- anak para pemegang biasiswa kita ini adalah golongan 'digital natives' dan mereka mempunyai tingkahlaku ekonomi yang berbeza berbanding generasi yang lebih awal. Sebagai contohnya, kajian oleh BCG3 mendapati sepanjang tempoh Covid 19 melanda, sekitar 33% dari generasi Millennial & Gen Z telah menambah pembelian online mereka, berbanding hanya 23% bagi generasi lebih berusia. Malahan, perspektif generasi ini juga berbeza berbanding generasi terdahulu. Sebagai contohnya, sebuah survey pada tahun 2017 mendapati lebih 85% daripada generasi millennial berpendapat bahawa program- program pemuliharaan alam sekitar adalah suatu agenda penting yang harus dititikberatkan oleh syarikat-syarikat, namun jika dibandingkan pula dengan generasi baby boomers dan the silent generation, peratusan ini adalah lebih rendah iaitu sekitar 72% dan 65% masing- masing.

Trend 3: Agenda Kelestarian

Mega trend ketiga yang akan merubah dunia adalah kesedaran terhadap perlunya menjaga alam sekitar dan agenda kelestarian. Jika dahulunya, isu kelestarian tidak mendapat perhatian arus perdana, kini, lebih ramai Kerajaan dunia lebih memandang serius perkara ini, sebagai contohnya dengan penyertaan dalam Paris Agreement 2015. Lebih banyak negara juga bertindak proaktif untuk menyatakan hasrat mereka ini dengan memperkenalkan undang- undang yang lebih ketat berkenaan isu ini dan ini tentunya akan mempunyai impak besar terhadap begitu banyak industri dunia, termasuklah industri automotif global, yang mana Kumpulan UMW sendiri terlibat dengan besar-besaran. Selain itu, dengan pemanasan global yang kian meluas, impak terhadap sumber-sumber terhad akan bertambah drastik pada masa hadapan.

Harapan Kepada Pemegang Biasiswa

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Dengan perkembangan- perkembangan yang mendatang tersebut, saya ingin mengajak anak- anak para pemegang biasiswa Kumpulan UMW untuk berfikir dan merenung dengan mendalam, apakah kesan perubahan- perubahan besar ini terhadap masa depan kalian? Semalah sikap ingin tahu ataupun intellectual curiosity yang tidak sahaja terbatas kepada peperiksaan semata-mata, agar anda akan mempunyai suatu bentuk kesedaran atau hyper-awareness mengenai pelbagai perubahan yang sedang berlaku di sekeliling anda.

Jika dahulu sewaktu saya menjadi siswazah, kaedah pembelajaran juga amatlah berbeza- kita tiada sumber rujukan internet dan pelbagai medium baharu seperti MOOC yang tersedia dengan meluas kini. Maka, dengan kewujudan pelbagai sumber dan medium baharu ini, saya pasti kalian akan mampu menjadi manusia yang lebih hebat dan berpandangan luas.

Dalam kesibukan mendalami bidang akademik yang tentunya mencabar, kita juga berharap agar kalian akan dapat mengasah dengan lebih mendalam kebolehan berfikir dan menyelesaikan masalah (thinking and problem solving skills), kerana perkara inilah yang akan digunapakai untuk suatu masa yang lama pada masa depan anda.

Kaedah pemikiran yang berstruktur terbukti amat penting dalam menyelesaikan bukan sahaja masalah akademik dan pembelajaran malahan apabila anda mula menyertai dunia pekerjaan pada masa akan datang. Kita tidak mahu para pelajar tajaan kita sekadar menghafal syllabus semata-mata, kita inginkan mereka mampu mengasah kemahiran berfikir secara berbeza, kerana di dalam dunia sebenar nanti, tiada skema jawapan yang disediakan.

Selain itu, kebolehan untuk berkomunikasi dengan efektif dan berkolaborasi amatlah penting dalam memastikan skillset yang kalian asah akan kekal relevan buat dekad- dekad yang mendatang.

Ingatlah ‘the Four C’s’ seperti mana yang ditekankan oleh Yuval Hariri dalam buku terbarunya berjudul “21 Lessons for the 21st Century”, iaitu:

- Critical Thinking
- Communication
- Collaboration, and
- Creativity

Hadirin dan hadirat yang dihormati, anak-anak yang dikasihi sekalian,

Para penerima biasiswa sekalian, melalui Program Biasiswa Kumpulan UMW, pihak syarikat telah merangka pelbagai pengisian yang pelbagai. Selain memantau kemajuan akademik anda di Universiti nanti, pihak syarikat juga menganjurkan pelbagai program dan latihan seperti Program Pembangunan Skil, Program Tanggungjawab Sosial Korporat dan latihan yang sewajarnya bagi mempersiapkan anda menjadi modal insan yang berkualiti.

Jangan lupa juga, sejurus menerima anugerah ini, anda kini membawa nama UMW ke mana juga anda pergi. Pastikan anda membawanya dengan bangga, let the world know that you are a UMW Scholar. Pada masa yang sama, pastikan reputasi UMW terus terjaga. Saya percaya anak-anak semua akan menjadi kebanggaan buat kita semua.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Saya tidak berhasrat berucap panjang. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan anda semua bahawa kita masih lagi berjuang untuk menangani pandemik COVID-19. Pastikan anda semua mematuhi SOP yang telah ditetapkan - jaga jarak, kurangkan pergerakan dan perjumpaan dengan orang lain, gunakan face mask dan sentiasa utamakan kebersihan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada penerima-penerima anugerah biasiswa untuk tahun ini. Semoga penganugerahan ini akan menjadi pembakar semangat untuk anda semua menempa kejayaan yang lebih gemilang.

Sekian.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.